

From: Jabatan Bendahari UUM -BEND
Sent: Thursday, November 29, 2018 7:42 PM
To: UUM - All Staff
Subject: SEMUA PTJ PERLU MEMAHAMI KEPERLUAN SUBSEKYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI MEMASTIKAN UUM MEMATUHI SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN OLEH LHDN



Jabatan Bendahari
Bursar's Department
Universiti Utara Malaysia

29 DISEMBER 2018 (KHAMIS) | 21 RABIULAWAL 1440H
=====

"UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

SEMUA PTJ PERLU MEMAHAMI KEPERLUAN SUBSEKYEN 44(6) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 BAGI MEMASTIKAN UUM MEMATUHI SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN OLEH LHDN

27 November 2018 (Selasa), Sintok. Jabatan Bendahari telah menganjurkan satu taklimat mengenai subseksyen 44(6) bagi memberi fokus tentang pengetahuan semua PTJ tentang keperluan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh LHDN di bawah Subseksyen 44 (6), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Menurut Puan Norhasiah Hassan, Timbalan Pengarah di Bahagian Kelulusan dan Pemantauan, Ibu Pejabat Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berdasarkan audit yang telah mereka jalankan ke beberapa institusi pengajian tinggi, kebanyakan universiti awam di Malaysia masih belum mematuhi sepenuhnya syarat-syarat di bawah Subseksyen 44(6) ini. Di atas dasar inilah LHDN mengambil langkah mengadakan sesi taklimat berkaitan subseksyen 44(6) ini agar dapat meningkatkan kefahaman di kalangan institusi sebelum mereka melakukan audit ke atas institusi berkenaan.



Menurut Puan Norhasiah lagi, UUM telah diberi kelulusan di bawah subseksyen ini semenjak 1 September 1993 dan UUM perlu memastikan syarat-syarat yang ditetapkan sentiasa dipatuhi. Di antara syarat-syarat yang perlu

diberi perhatian adalah keperluan universiti untuk menyimpan rekod yang lengkap dan memastikan derma tersebut dibelanjakan **untuk manfaat pelajar dan Universiti**. Kegagalan UUM di dalam mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan boleh menyebabkan kelulusan subseksyen ini ditarik balik oleh LHDN. Selain itu, dengan kelulusan ini para penderma tunai kepada UUM juga layak mendapat tolakan cukai dengan had maksimum sebanyak 10% bagi syarikat dan 7% bagi selain syarikat (daripada pendapatan agregat).

Perkongsian ilmu selama dua jam bersama 122 peserta dari pelbagai PTJ ini sedikit sebanyak telah berjaya meningkatkan kefahaman para pentadbiri tentang keperluan mematuhi syarat-syarat di bawah Subseksyen 44(6) ini dan ilmu pengetahuan yang diperolehi diharap dapat membantu pentadbir di PTJ supaya dapat menguruskan derma tunai dengan lebih baik sepertimana kehendak subseksyen ini.

Tamat.

"Melestarikan Kewangan Universiti"

Jabatan Bendahari | Bursar Department
Universiti Utara Malaysia
Tel: 04-928 3223/3220
Fax: 04-928 3299



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.